

Pendirian Perdana Menteri berhubung apa juga persoalan **Penjelasan diteruskan**

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 9 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan terus memberikan penjelasan berhubung apa saja persoalan yang ditimbulkan berasaskan fakta dan bukannya perkara yang ditokok tambah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berkata, Perdana Menteri menyatakan pendirian itu ketika memperkerusi mesyuarat Kabinet hari ini.

"Pak Lah cakap apa yang betul adalah betul, anda tidak boleh berbohong kepada rakyat (kerana) macam mana hendak tipu... mesti berpegang pada fakta.

"Pak Lah juga menjelaskan mengapa wawancara yang disiarkan oleh TV 3 itu dikendalikan oleh Pengerusi *Bernamea* (Datuk Mohd, Annuar Zaini) dan bukan orang daripada TV 3 kerana ia adalah agensi kerajaan, sedaplah sedikit," katanya.

Radzi berkata demikian kepada pemberita selepas memperkerusi mesyuarat pasca-Kabinet di kementerianya di sini hari ini.

Beliau mengulas pandangan Kabinet terhadap penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri mengenai segala tohmahan ke atas pentadbirannya dalam program *Bersemuka Bersama Perdana Menteri* di TV 3 kelmarin.

Semalam Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri itu dilakukan dengan telus dan boleh memberikan keyakinan kepada rakyat.

Dalam rancangan tersebut, Abdullah menjawab segala tohmahan yang ada hubung kait dengan ahli-ahli keluarganya.

Perdana Menteri berkata, ada pihak sengaja menyebarkan fitnah kononnya projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah diagih-agihkan kepada pihak tertentu termasuk kepada anaknya.

Beliau berkata, pihak terbabit juga berbuat demikian untuk menghinanya sebagai Perdana Menteri.

Abdullah juga menafikan anak sulungnya Kamaluddin telah diberikan kontrak projek monorel di Pulau Pinang melalui syarikat Scomi Engineering Bhd., anak syarikat Scomi

Penjelasan diteruskan

Group Bhd.

Begitu juga dengan menantunya, Abdullah berkata, Khairy Jamaluddin tidak pernah memohon projek-projek kerajaan.

Mengulas lanjut Radzi berkata, Kabinet menyambut baik penjelasan yang diberikan oleh Abdullah mengenai segala tohmahan terhadap pentadbirannya dalam program wawancara khas berkenaan.

"Semua menteri Kabinet melahirkan rasa gembira kerana Perdana Menteri tampil menjawab segala persoalan dan menyifatkan ia adalah penjelasan yang baik," katanya.